



**KOLEJ TEKNOLOGI ANTARABANGSA CYBERNETICS
DIPLOMA MULTIMEDIA KREATIF**

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI

JABATAN ALAM SEKITAR

RAJA MUHAMMAD ZULKARNAIN BIN RAJA PARSI

18070096

2020

ISI KANDUNGAN

1. PENGHARGAAN	1
2. PENGENALAN	2-4
2.1 Pengenalan Latihan Industri	
2.2 Objektif Latihan Industri	
2.3 Kepentingan Latihan Industri	
3. PROFIL SYARIKAT	5-9
3.1 Pengenalan Syarikat	
3.2 Jenis Dan Perkhidmatan Syarikat	
3.3 Visi Dan Misi Syarikat	
3.4 Carta Organisasi Syarikat	
4. LAPORAN KERJA	10-21
5. LAPORAN KHUSUS	22-23
5.1 Latar Belakang Projek	
5.2 Pernyataan Masalah	
5.3 Tugasan Kerja	
6. KESIMPULAN	24
7. LAMPIRAN	25-36

1.0 PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dengan ini saya Raja Muhammad Zukarnain Bin Raja Parsi siswa Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics yang mengikuti kursus Diploma Multimedia Kreatif telah berjaya menamatkan sesi Latihan Industri di Jabatan Alam Sekitar

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada seluruh kakitangan Jabatan Alam Sekitar dan selinsing terutamanya kepada En. Abu Bakar Hj Tajuddin selaku Ketua Penolong Pengarah yang sudi menerima saya sebagai pelajar praktikal disini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada seluruh kakitangan Jabatan Alam Sekitar dan Selinsing yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan berkongsi ilmu mengenai selok belok kerja dan tugas yang harus saya lakukan sepanjang saya menjalani latihan industri di sektor tersebut. Tanpa bantuan mereka sudah pasti saya tidak dapat menjalani latihan industri ini dengan jayanya seperti ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kolej terutamanya kepada para pensyarah saya kerana telah memberi kelonggaran kepada saya untuk mencari sendiri tempat untuk melakukan latihan industri. Begitu juga dengan nasihat dan tunjuk ajar dengan mengadakan sesi taklimat untuk menjalani latihan industri untuk menyiapkan sebuah buku laporan harian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan

Sekalung budi ditujukan kepada semua pensyarah Multimedia Kreatif kerana telah banyak memberikan sokongan, bantuan, semangat dan nasihat kepada saya dan rakan-rakan sekelas sebelum kami menjalani latihan industri. Tidak lupa juga kepada semua pengawai Jabatan Alam Sekitar kerana telah menguruskan tempat latihan kami. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua yang membantu saya

2. PENGENALAN

2.1 Pengenalan Latihan Industri

Latihan Industri adalah salah satu syarat wajib bagi pelajar dalam satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Program Latihan Industri (LI) diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan untuk meningkatkan tahap mampu kerja para graduan. Kursus Latihan Industri memberi peluang kepada pelajar merasai pembelajaran di dunia pekerjaan sebenar supaya dapat mencapai kebolehpasaran yang tinggi.

Kursus ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dari segi perkembangan teknologi, komunikasi yang berkesan, amalan kerja berpasukan, polisi, prosedur, peraturan-peraturan serta perspektif dan etika professional organisasi. Selain itu, Kursus ini membina semangat dan sikap proaktif di kalangan pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan untuk menjadi pelatih yang cemerlang.

Unit Perhubungan Latihan Industri Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics telah memberi tanggungjawab untuk menempatkan para pelajar yang akan menjalani latihan industri di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat swasta yang sudi menempatkan para pelajar di tempat mereka. Oleh itu, para pelajar boleh mempraktikkan ilmu teori yang dipelajari untuk digunakan sebaik mungkin di alam perkerjaan yang sebenar sambil menimba pengalaman serta memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi.

Konklusinya, latihan industri ini banyak memberi pengalaman dan sedikit banyak dapat membuka minda agar dapat menilai sesuatu pekerjaan dari perspektif yang positif. Diharapkan pelajar membuat persediaan rapi dengan memantapkan ilmu akademik, memperbaiki kelemahan diri seperti cara berkomunikasi dan mewujudkan keyakinan diri sebelum melangkah ke alam perkerjaan sebenar.

2.2 Objektif Latihan Industri

Latihan Industri merupakan satu syarat yang diwajibkan ke atas setiap pelajar sebelum layak dipertimbangkan untuk penganugerahan Sijil atau Diploma. Setiap pelajar perlu lulus Latihan Industri sebelum dibenarkan untuk memasuki semester yang berikutnya. Pelajar yang gagal perlu mengulangi semula Latihan industri.

Antara objektif Latihan Industri diadakan adalah untuk membina personality individu. Para pelajar dapat memberikan pandangan dan idea-idea yang bernas di samping melahirkan individu yang beryakinan tinggi dan berani menyahut cabaran dalam apa jua keadaan.

Selain itu, Latihan industri mendidik pelajar untuk berkomunikasi dengan berkesan. Para pelajar didedahkan dengan persekitaran tempat kerja dan orang ramai. Pelajar juga dapat mempelajari cara berkomunikasi dengan kakitangan jabatan, pelanggan dan sebagainya dengan lebih beryakinan serta berkesan.

Mengharungi era globalisasi yang semakin pesat, para pelajar diberi peluang untuk membuat persediaan lebih awal sebelum menempuhi alam pekerjaan yang sebenar. Dengan pendedahan awal yang diberikan ini membolehkan pelajar bersiap sedia menceburi alam pekerjaan yang lebih mencabar mental dan fizikal.

Di samping itu, Latihan industri menggalakkan para pelajar mengamalkan etika dan peraturan kerja dengan baik. Pelajar-pelajar diingatkan supaya lebih berdisplin agar tidak melanggar peraturan-peraturan yang lebih ditetapkan oleh firma atau jabatan. Justeru itu, pelajar akan mengamalkan etika dan peraturan kerja yang baik.

Akhir sekali, menyemai amalan berhemah dan sikap bertanggungjawab dalam diri. Para pelajar dapat menilai kebolehan diri dalam melaksanakan kerja yang telah diamanahkan.

2.3 Kepentingan Latihan Industri

Persaingan dalam merebut peluang pekerjaan amat sengit pada masa kini. Melalui latihan perindustrian, pelajar akan didedahkan tentang suasana sebenar alam pekerjaan. Pelajar juga memperoleh pelbagai faedah dari latihan industri antaranya adalah:

- Dengan menggunakan pengalaman menjalani latihan di firma selama empat bulan, para pelajar dapat mempelajari serba sedikit tentang alam pekerjaan dan dapat mengawal situasi jika berada di pejabat atau lokasi bekerja satu hari kelak.
- Para pelajar tidak lagi merasa kekok dan janggal apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar di samping dapat menilai keupayaan diri sendiri sama ada boleh menempuhi alam pekerjaan dan menghadapi cabaran apabila bekerja kelak. Ia membantu meningkatkan lagi keyakinan diri para pelajar.
- Dengan adanya pengalaman selama empat bulan menjalani latihan industri, para pelajar serba sedikit dapat membantu menyelesaikan masalah di tempat kerja apabila sudah bekerja kelak. Ia membantu para pelajar menyemai sikap bertanggungjawab dan mengambil berat terhadap kerja yang diberikan kepadanya.
- Kebanyakan firma yang mahu mengambil pekerja baru juga memerlukan pekerja yang sudah berpengalaman bekerja, setidaknya para pelajar politeknik sudah mempunyai pengalaman bekerja semasa menjalani latihan industri.
- Mendedahkan para pelajar tentang kepentingan pengurusan masa dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Ia amat penting untuk menanam sikap pandai mengurus masa dalam diri para pelajar supaya segala tugas yang diberikan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

3. PROFIL SYARIKAT

3.1 Pengenalan syarikat

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah ditubuhkan pada bulan September 1975 dan merupakan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab Terhadap pemuliharaan alam sekitar. Bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, JAS telah diberi mandat untuk menguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Dalam mencapai status negara maju menjelang 2020, Dasar Alam Sekitar Negara merupakan teras dalam meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Oleh demikian bagi merealisasikan hasrat Kerajaan, setiap warja JAS perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, idea serta informasi yang tepat supaya boleh menjadi pemimpin, pereka, penginovasi dan penjana ilmu baru untuk berdepan dengan pelbagai cabaran akan datang. Selain itu, JAS juga berperanan sebagai penyebar maklumat, kemahiran dan idea-idea bernas bagi pembangunan minda masyarakat ke arah penghayatan alam sekitar secara berterusan.

Kejayaan memulihara alam sekitar memerlukan Kerjasama bersepadu daripada setiap lapisan masyarakat. Ianya adalah tanggungjawab Bersama.

3.2 Jenis Dan Perkhidmatan Syarikat

Pentadbiran dan Kewangan

- Memberi perkhidmatan sokongan dengan menyediakan peralatan dan sistem pengurusan.
- Untuk membantu penambahbaikan sistem pengurusan di jabatan
- Merancang, mengurus dan mengawal kewangan dan akaun
- Untuk mengurus dan mengawal belanjawan pengurusan dan juga anggaran pembangunan.

Bahagian Penguatkuasaan

- Untuk meningkatkan dan memperkuat prosedur dan tindakan penguatkuasaan untuk memastikan hasil penguatkuasaan yang berkualiti dan profesional sehingga menaikkan imej Jabatan Alam Sekitar sebagai agensi penguatkuasaan yang berintegriti.

Bahagian Penilaian

- Tadbir Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekitar (Kegiatan Yang Ditetapkan (Penilaian Kesan Alam Sekitar), 1987.
- Menilai kajian kesan persekitaran untuk projek pembangunan yang dikategorikan sebagai Aktiviti yang Ditetapkan.
- Merangka dan mengkaji semula polisi, garis panduan, prosedur dan senarai semak yang berkaitan.
- Memberi input mengenai persekitaran dan memberi nasihat kepada agensi mengenai pelaksanaan perancangan pembangunan.

Bahagian Bahan Berbahaya

- Merancang dan melaksanakan strategi untuk menguruskan bahan berbahaya dan sisa berbahaya.
- Merancang dan melaksanakan kerangka kerja untuk menguruskan pencemaran tanah.
- Menggubal peraturan, panduan dan Prosedur Operasi Standar (SOP) mengenai bahan berbahaya, limbah terjadwal dan pencemaran tanah.

- Untuk mengawal pelesenan rawatan dan pelupusan sisa berjadual.
- Menyelaraskan operasi pengurusan pembuangan haram pada sisa berjadual.
- Merancang dan melaksanakan kerangka kerja untuk menguruskan pencemaran tanah.
- Merancang, mengurus dan mengawal Bahan Berbahaya Alam Sekitar (EHS).

Bahagian Air & Marin

- Untuk menentukan visi dan kebijakan yang berkaitan dengan strategi pemeliharaan dan pencemaran air darat dan laut seperti yang ditentukan di bawah kehendak Dasar Sumber Air Nasional, Undang-Undang Mutu Alam Sekitar, 1974 dan untuk memenuhi kewajiban nasional terhadap Perjanjian / Perjanjian / Konvensi yang berlaku.
- Menjalankan program / aktiviti berimpak tinggi yang berkaitan dengan pencegahan dan pemuliharaan air pedalaman, air bawah tanah dan persekitaran laut.
- Menyusun strategi penegakan untuk perlindungan pencemaran laut sebagaimana diatur dalam Undang-Undang khususnya untuk mengatasi insiden tumpahan minyak di laut.

Bahagian Komunikasi Strategik

- Untuk meningkatkan dan memperkukuhkan komunikasi kesedaran alam sekitar antara Jabatan dan masyarakat kita.
- Menerbitkan dan menyebarkan maklumat alam sekitar Memperkukuhkan kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa dalam pengurusan alam sekitar.
- Sebagai fokus untuk agensi dan badan antarabangsa mengenai alam sekitar.
- Merancang, mengatur dan menyelaraskan program kesedaran pendidikan & alam sekitar di kalangan pelajar.
- Merancang, mengatur dan menyelaraskan program kesedaran pendidikan & alam sekitar di kalangan masyarakat dan industri.

Bahagian Udara

- Menggubal Jaringan Kualiti Udara Nasional untuk pemantauan status kualiti udara di seluruh Malaysia.
- Untuk memantau pelaksanaan program penswastan pemantauan udara.
- Untuk mengenal pasti, menyelaraskan dan melaksanakan kajian mengenai kualiti udara, bunyi bising, getaran dan kawalan sumber pencemaran udara.
- Untuk mengemas kini pangkalan data mengenai inventori sumber pencemaran udara.

Bahagian Teknologi Maklumat


- Merancang Sistem Maklumat JAS.
- Merancang, mengembangkan, melaksanakan dan menyelenggara aplikasi sistem JAS.
- Urus Infrastruktur ICT DOE.
- Urus Sistem Pangkalan Data DOE.
- Menguruskan Budaya ICT JAS.

3.3 Visi Dan Misi Syarikat

VISI - Pemuliharaan Alam Sekitar untuk Kesejahteraan Rakyat.

MISI - Untuk memastikan pembangunan yang berterusan dalam proses pembinaan negara.

3.4 Carta Organisasi Syarikat



4.0 LAPORAN KERJA

4.1 Tugas 1 : Mereka bentuk logo

En. Wan telah memberikan tugas untuk menghasilkan logo perpustakaan. Cik Wan telah memberi idea untuk mencipta baru logo perpustakaan JAS. Pada mulanya saya menghasilkan logo pertumbuhan kerana sama kriteria Jabatan Alam Sekitar tetapi Cik Wan terangkan perpustakaan mempunyai teknologi dan lebih kepada E-Library. (Seksyen Perpustakaan)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

4.2 Tugas 2 : Mereka bentuk Infografik

Encik Wan telah memberikan tugas untuk menghasilkan infografik tentang Enviro Knowledge Management Center (EKMC) supaya orang masyarakat dapat tahu lebih lanjut tentang website (EKMC). (Seksyen Perpustakaan)



Idea 1



Idea Akhir

4.3 Tugas 3 : Mereka bentuk *Poster*

Puan Rosfaruzah telah memberikan tugas untuk menghasilkan Poster tentang jarakkan diri supaya pelawat perpustakaan dapat jarakkan diri 1 meter dari orang lain. (*Seksyen Perpustakaan*)



Idea 1



Idea Akhir

4.4 Tugas 4 : Mereka bentuk *Video*


Encik Azwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan Video untuk mempromosikan pertandingan pidato. Saya menggunakan app video doddly kerana video ini dipamerkan kepada pelajar sekolah menengah. (*Seksyen Alam Sekitar – Sekolah*)



Idea Akhir

4.5 Tugas 5 : Mereka bentuk Poster

Encik Azwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster pertandingan pidato alam sekitar. Saya designkan poster tentang pelajar sekolah supaya mereka berminat untuk masuk pertandingan poster. (Seksyen Alam Sekitar – Sekolah)



Idea 1



Idea Akhir

4.6 Tugas 6 : Mereka bentuk Video

Encik Wan telah memberikan tugas yang baru iaitu edit video perpustakaan untuk mempromosikan kepada pelawat untuk memasuki perpustakaan Jabatan Alam Sekitar. (Seksyen Perpustakaan)



Idea Akhir

4.7 Tugas 7 : Mereka bentuk *Poster*

Puan Farah telah memberikan tugas untuk buat poster perkhidmatan supaya pelawat tahu waktu operasi Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar. (*Seksyen Perpustakaan*)



Idea 1



Idea Akhir

4.8 Tugas 8 : Mereka bentuk *Poster*


Bahagian Bahan Bahaya telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline diberi 'pengurusan tanah tercemar'. (*Seksyen Penerbitan*)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

4.9 Tugas 9 : Mereka bentuk *Poster*

Bahagian Bahan Bahaya telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline diberi 'pengurusan buangan klinikal'. (Seksyen Penerbitan)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

5.0 Tugas 10 : Mereka bentuk *Poster*

Bahagian Cega telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline 'hentikan pencemaran plastik'. (Seksyen Penerbitan)




Idea 1




Idea Akhir

5.1 Tugas 11 : Mereka bentuk Poster


Bahagian Cepa telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline 'hentikan pencemaran plastik'. (Seksyen Penerbitan)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

5.2 Tugas 12 : Mereka bentuk Poster

Bahagian Cepa telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline 'polisi tidak menerima hadiah'. (Seksyen Penerbitan)




Idea 1




Idea 2

5.3 Tugas 13 : Mereka bentuk *Poster*

Bahagian Marin telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster tagline 'kualiti air tanah'. (*Seksyen Penerbitan*)



Idea 1




Idea 2




Idea Akhir

5.4 Tugas 14 : Mereka bentuk *Coffee Table*

Puan Shafikkha memberi tugas untuk menghasilkan coffee table. Pada mulanya saya tidak tahu ap aitu coffee table apabila saya search internet coffee table perlu menghasilkan melalui adobe indesign. Coffee Table terdapat 124 muka surat yang saya perlu siapkan. (*Seksyen Alam Sekitar – Sekolah*)




Idea 1



Idea Akhir

5.7 Tugas 17 : Mereka bentuk *Bunting*


Puan Easter suruh saya menghasilkan bunting pada ukuran 24 x 72 kerana bunting ini digunakan untuk sempena Wanita Dan Alam Sekitar Negara # WAS 2020 iaitu 'Fun Walk'. (Seksyen Antarabangsa)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

5.8 Tugas 18 : Mereka bentuk *Poster*

Puan Roswani suruh saya menghasilkan poster iaitu konsep yang sama seperti Wanita Dan Alam Sekitar Negara # WAS 2020 iaitu 'Fun Walk' untuk mempamerkan melalui media sosial. Saya menggunakan idea yang sama iaitu design bunting warna sama tetapi corak yang berlainan. (Seksyen Antarabangsa)



Idea 1



Idea 2



Idea 3

5.9 Tugas 19 : Mereka bentuk *Bunner*


Encik Abdullah dan Encik Bahtiar telah memberi tugas untuk buat kolaj pada banner dan berkerjasama dengan Encik Khairul kerana untuk melancarkan sempena Jalur Gemilang. (*Seksyen Komunikasi Awam*)



Idea Akhir

6.0 Tugas 20: Mereka bentuk *Poster*

Encik Izwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster kayuhan hijau untuk bersama – sama join berbasikal pada waktu petang dan saya menghasilkan design secara sport . (*Seksyen Rakan Alam Sekitar*)



Idea 1



Idea Akhir

6.1 Tugas 21: Mereka bentuk *Poster*

Encik Izwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster pembersihan sungai langat yang diadakan pada setiap minggu hari sabtu untuk yang berminat bergotong – royong secara sukarela. (*Seksyen Rakan Alam Sekitar*)



Idea 1




Idea Akhir

6.2 Tugas 22: Mereka bentuk *Poster*

Encik Izwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster Enviro Hiking Bersama Rakan Alam Sekitar. (*Seksyen Rakan Alam Sekitar*)



Idea 1



Idea Akhir

6.3 Tugas 23: Mereka bentuk *Poster*

Encik Izwan telah memberikan tugas untuk menghasilkan poster Lawatan Ke Stesen Pengawasan Kualiti Udara tetapi tajuk poster telah pun diubah kerana program ini berbasikal iaitu Lawatan Kayuhan Lestari Sempena Hari Alam Sekitar Negara. (Seksyen Rakan Alam Sekitar)



Idea 1



Idea 2



Idea Akhir

5. LAPORAN KHUSUS

5.1 Latar Belakang Projek

SEKOLAH LESTARI-Anugerah Alam Sekitar merupakan program usahasama Jabatan Alam Sekitar dan institute Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YB Dato' Sri Haji Adenan Haji Satem, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia pada 27 Januari 2005.

SEKOLAH LESTARI bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikbertakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan dan elemen khas.





5.2 Penyataan Masalah

1. Teks tidak nampak apabila seseorang tidak dapat membaca
2. Transition terlalu cepat dan tidak sempat untuk melihat
3. Selalu ejaan salah pada setiap scene


5.3 Tugas Kerja

Mereka bentuk *Video*

Encik Azwan telah memberikan tugas baru iaitu menghasilkan video sekolah lestari untuk mempromosikan video ini kepada sekolah. Video akan dijadikan sebagai pra perlawanan untuk pembukaan sekolah lestari. (Seksyen Alam Sekitar – Sekolah)



Idea 1



Idea Akhir

6. KESIMPULAN

Selama satu semester menjalani Latihan Industri, banyak pengalaman, pengetahuan dan pendedahan yang berguna telah saya perolehi. Segala pendedahan yang diperolehi telah menyedarkan diri saya dalam meningkatkan keyakinan diri bagi menghadapi kehidupan yang kian mencabar sekarang. Praktikal adalah pelengkap kepada ilmu atau teori yang dipelajari. Ini jelas dengan konsep ilmu dan amal, di mana ilmu yang dipelajari tanpa mengamalkannya akan hilang dan tidak akan memberi apa-apa kesan. Begitulah jika kita beramal tanpa ilmu sudah tentu akan wujud masalah dari segi pegangan dan pendirian yang sentiasa berubah-ubah.

Sepanjang saya menjalani latihan industri, terdapat banyak perubahan daripada sudut pembelajaran, persekitaran dan pergaulan sesama rakan sekerja. Ia secara langsung dapat meningkatkan dedikasi dan bersikap rasional terhadap diri saya sendiri.

Walaupun bagaimanapun masih wujud beberapa kelemahan yang dapat diperbaiki pada masa hadapan. Oleh itu dapat saya simpulkan bahawa program latihan industri banyak memberi manfaat kepada para pelajar walaupun terdapat kelemahan kecil yang sedikit sebanyak mencacatkan keadaan, supaya kelemahan ini dapat di perbaiki pada masa hadapan.

Kesimpulan yang saya dapat melalui latihan industri ini ialah saya menerima banyak pendedahan dalam dunia design ini. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada juga pihak Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics yang memberi peluang kepada pelajar - pelajarnya mencari pengalaman sendiri dengan mengadakan Latihan Industri.

7. LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Program Perbersihan Sungai Langat Fasa 1 :



LAMPIRAN B

Program Perbersihan Sungai Langat Fasa 2 :



LAMPIRAN C

Program Perbersihan Gotong-royong (Beach Clean Up) :



LAMPIRAN D

Program Kayuhan Hijau :






LAMPIRAN E

Program Kayuhan Hari Malaysia Putrajaya bersama Ketua Sentiasausaha Kementerian Alam Sekitar Dan Air :



LAMPIRAN F

Tempat Latihan Industri :



LAMPIRAN G

Program Wanita Dan Alam Sekitar # FUN WALK:



LAMPIRAN H

Program Perhimpunan Bulanan Dan Jalur Gemilang:

